

Bil. S 9

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83{3})

PERINTAH DARURAT (MATAWANG) (PINDAAN), 1992

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83{3} dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang berikut –

Gelaran dan
Permulaan
Kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Matawang) (Pindaan), 1992 dan hendaklah dianggap telah berjalan kuatkuasanya mulai daripada 1 haribulan Januari, 1984.

Pindaan
bab 3.

2. Akta Matawang (selepas ini disebut sebagai Akta utama) adalah dipinda dengan memotong ceraian-ceraian (3) dan (4) dari bab 3 dan menggantikannya dengan syarat-syarat baharu yang berikut –

“(3) Lembaga tersebut akan mengandungi Ahli-Ahli yang berikut –

(a) Menteri Kewangan ;

(b) beberapa orang-orang lain, salah seorang daripadanya hendaklah mempunyai pengalaman urusan bank atau kewangan yang diakui sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik.

(4) Menteri Kewangan akan menjadi Pengerusi Lembaga tersebut.”

Pindaan
bab 5.

3. Akta utama adalah dipinda di dalam Pesyarat kepada ceraian (3) dari bab 5 dengan memotong angka “4”.

Pindaan
bab 27.

4. Bab 27 dari Akta utama adalah dipinda –

(a) di dalam ceraian (2)(a) dengan memotong tanda koma di antara “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” dengan “Menteri” dan menggantikan tanda koma tersebut dengan perkataan “dan”, dan memotong “dan Pegawai Kewangan Negara” ;

(b) di dalam ceraian (2)(b) dengan memotong tanda koma di antara “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” dengan “Menteri” dan menggantikan tanda koma tersebut dengan perkataan “dan”, dan memotong “dan Pegawai Kewangan Negara” ;

- (c) di dalam cerai (3) dengan memotong "Pegawai Kewangan Negara" dan menggantikannya dengan "Menteri".
- (d) di dalam cerai (4) dengan memotong "Pegawai Kewangan Negara" dan menggantikannya dengan "Menteri".

Diperbuat pada 5 haribulan Disember, 1992 di Istana Nurul Iman
Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM